

16 OCT 1996

Pelabuhan

PERLIS AKAN MEMPUNYAI PELABUHAN PADA TAHUN 2000

KANGAR, 16 Okt (Bernama) -- Hasrat kerajaan negeri Perlis untuk mewujudkan sebuah pelabuhan bagi menampung keperluan terhadap kemudahan itu akan menjadi kenyataan menjelang tahun 2000 apabila projek pembinaan pelabuhannya dimulakan awal bulan depan.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata projek berkenaan akan dimajukan oleh sebuah syarikat swasta Pashacorp Sdn Bhd (Pashacorp) di bawah projek penswastaan tebus guna tanah di persisiran pantai negeri Perlis.

"Dengan wujudnya pelabuhan berkenaan di Kuala Sungai Baru, Kuala Perlis ia secara tidak langsung akan dapat menarik lebih ramai pelabur ke negeri ini serta negeri dan wilayah dalam lingkungan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT)," katanya pada majlis menandatangani perjanjian penswastaan tebusguna tanah antara kerajaan negeri dan Pashacorp di sini, hari ini.

Shahidan mewakili kerajaan negeri manakala Pashacorp oleh Pengerusi Eksekutifnya, Haji Zamani Tan Sri Abdul Aziz Yeop.

Menurut beliau, pembinaan pelabuhan itu adalah antara beberapa projek yang dicadangkan di bawah projek tebus guna tanah di persisiran pantai negeri ini membabitkan kawasan seluas 2,600 hektar dari sempadan Thailand hingga ke Sanglang.

Sebelum ini 13 buah syarikat telah menandatangani memorandum persefahaman untuk projek berkenaan secara serentak disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatan rasminya ke negeri ini pada 12 April lepas.

Bagaimanapun daripada jumlah itu hanya empat syarikat yang diberi kontrak oleh kerajaan negeri termasuk Pashacorp yang dibenarkan menjalankan kerja-kerja menebus guna membabitkan kawasan seluas 1,400 hektar di Kuala Sungai Baru termasuk pembinaan pelabuhan yang meliputi kawasan seluas 680 hektar.

Sementara itu Zamani memberitahu pemberita, keseluruhan projek berkenaan akan menelan belanja RM1,500 juta termasuk RM750 juta untuk pembinaan pelabuhan.

Projek berkenaan akan dilaksanakan secara berperingkat dengan fasa pertama meliputi kerja-kerja pembinaan pelabuhan kargo dan kontena manakala kerja-kerja pembinaan pelbagai kemudahan lain termasuk kawasan komersil, industri kecil dan sederhana, hotel, perumahan, jeti yang moden serta marina akan mengambil masa antara sepuluh hingga 12 tahun untuk disiapkan.

Menurut beliau, pembinaan pelabuhan yang berkapasiti 1.3 juta tan itu adalah sebagai memenuhi limpahan keperluan terhadap pelabuhan Pulau Pinang di samping turut membantu kerajaan dalam usaha mewujudkan penghubung darat antara Pulau Pinang dan pelabuhan Songkhla di Thailand. -- BERNAMA

IQ PR